

23/10/2003

Bahaya keganasan ekonomi (HL)

Norhayati Md Said

JOGJAKARTA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, bahaya keganasan ekonomi sama dahsyatnya dengan keganasan lain kerana ia boleh menyebabkan kematian dan kerosakan secara tidak langsung yang memberi kesan berpanjangan.

Perdana Menteri berkata, keganasan seumpama itu bukan saja boleh meruntuhkan ekonomi yang memberi kesan buruk kepada negara dan rantau terbabit, tetapi turut menyebabkan rakyat kehilangan pekerjaan selain merosakkan keamanan dan kesejahteraan apabila berlaku huru-hara, pembunuhan dan jenayah.

Katanya, tanggapan penyangak mata wang dan media Barat bahawa serangan ekonomi bukan keganasan tidak bermakna mereka tidak melakukan keganasan kerana perbuatan itu menimbulkan ketakutan dan kemusnahan kepada mangsanya.

Kesannya menyebabkan sesebuah negara menjadi bankrap dan terpaksa akur kepada kehendak asing, manakala perniagaan muflis dan terpaksa dijual terutama kepada syarikat asing. Bank dan industri turut runtuh.

"Apabila kerajaan membantu syarikat hampir muflis, mereka dituduh mengamalkan kronisme. Tuduhan ini datangnya daripada mereka yang juga mengamalkan kronisme di negara masing-masing.

"Mereka akan membantu syarikat dan tabung kewangan yang mereka mempunyai kepentingan walaupun menghadapi masalah kecil. Malah, kakitangan kerajaan

mereka juga melakukan bailout jika syarikat di mana mereka mempunyai kepentingan menghadapi masalah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan balasnya selepas menerima Anugerah

Felo Kehormat daripada Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan Asean (Afeo) sempena Persidangan Afeo ke-21 di sini, semalam.

Afeo adalah badan bukan kerajaan yang bernaung di bawah Sekretariat Asean dan kini dianggotai 10 institusi kejuruteraan dan arkitek dari negara-negara anggota Asean termasuk Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya negara Baratlah yang mengamalkan double standard kerana mereka meminta orang melakukan apa yang diarahkan mereka dan bukan seperti yang mereka lakukan.

Katanya, selepas serangan 11 September 2001, dunia dapat melihat keganasan dan pembunuhan rakyat yang tidak bersalah untuk mencapai tujuan masing-masing atau bagi membalas dendam.

Keganasan bukan saja dilakukan individu, tetapi oleh negara yang kononnya ingin membalas dendam terhadap penganas disyaki, tetapi perbuatan itu juga memusnahkan keluarga, rumah, kampung dan bandar yang mereka serang.

"Tidak mustahil perbuatan itu juga membunuh mereka yang tidak berdosa malah, keganasan itu lebih dahsyat dengan penggunaan senjata berat dan lebih sistematik yang dilakukan tentera terlatih.

"Ini seperti mahu menunjukkan bahawa pengamal demokrasi itu percaya

cara menyebarkan doktrin dan mengurangkan penentangan ialah dengan memerintah dunia," katanya.

Perdana Menteri mengulangi pendiriannya berhubung sikap Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang sepatutnya menjadi saluran bagi memberi keadilan, mengelakkan diskriminasi dan mengurangkan jurang perdagangan tanpa membezakan negara di dunia ini. Sebaliknya, pertubuhan itu diperalatkan negara kaya dan maju.

Beliau berkata, WTO kini sudah menjadi seperti Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dengan menjadi alat negara kaya yang semakin menekan negara miskin dan bukan membantu mereka.

"Disebabkan itu Cancun dianggap gagal oleh si kaya kerana agenda yang mereka tetapkan tidak dipersetujui. Bagi negara miskin Cancun bukan kegagalan tetapi pertama kali negara miskin bangun untuk menegakkan hak mereka.

"Kini kita boleh merayakannya. Jika kita mengikut telunjuk mereka, masa depan kita akan bertambah gelap. Kita akan terus menjadi lebah yang bekerja untuk ratunya dengan membekalkan buruh murah kepada mereka," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin.

Sementara itu, dalam temubual dengan stesen televisyen Indonesia, TV7, ketika ditanya sama ada beliau tidak bimbang dengan reaksi keras negara Barat yang dikritiknya, Dr Mahathir berkata memang akan ada reaksi daripada mereka.

"Ya memang ada reaksi tetapi kita harus yakin bahawa kita boleh melawan segala tindakan yang akan diambil terhadap kita. Ini bergantung kepada kedudukan ekonomi dan politik negara.

"Kalau kita dalam negara kukuh dan bersatu padu walaupun tekanan datang daripada kuasa besar, kita boleh menangkis serangan mereka," katanya dalam temubual bagi rancangan Topik: Dr Mahathir Menjawab, yang dihoskan oleh Dana Iswara.